

Ucapan: ADHO
550
16/9/80

UCHAPAN Y.B. INCHE HUSSEIN ONN,
MENTERI PELAJARAN, DI UPACHARA
PENYAMPAIAN DIPLOMA DIKOLEJ
PERTANIAN SERDANG PADA HARI SABTU,
5HB OGOS, 1972 JAM : 9.30 PAGI

SAYA BERASA BANGGA DI-ATAS JEMPUTAN *UNTOK*
MENGHADHIRI UPACHARA PENYAMPAIAN IJAZAH
MAKTAB INI PADA PAGI INI DAN MENYAMPAIKAN
DIPLOMA2 DAN HADIAH2 KAPADA GRADUAND2. INI
IA-LAH KALI YANG KEDUA SAYA DI-BERIKAN
KEHORMATAN INI. KALI YANG PERTAMA IA-LAH
DALAM BULAN JULAI TAHUN LALU. BANYAK TELAH
BERLAKU SEMANJAK TAHUN LALU MENGENAI PEMBESARAN
DAN KEMAJUAN MAKTAB INI. PADA 4HB. OKTOBER
TAHUN LALU, D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG, MENURUT AKTA UNIVERSITI DAN
KOLEJ UNIVERSITI, 1971, TELAH BERKENAN MENGELUAR-
KAN PERENTAH PERBADANAN AKAN PEMBENTOKAN UNIVERSITI
PERTANIAN MALAYSIA DAN MENEMPATKAN-NYA DI-MAKTAB
INI. DI-DALAM SATU PERENTAH YANG LAIN, D.Y.M.M.

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG TELAH BERKENAN MELANTEK DR. MOHD. RASHDAN BIN HAJI BABA SEBAGAI NAIB-CHANSELER YANG PERTAMA UNIVERSITI TERSEBUT. SEMENTARA MENUNGGU PENERIMAAN SUATU PERLEMBAGAAN UNIVERSITI INI, SA-BUAH MAJLIS SEMENTARA TELAH DI-LANTIK DENGAN DI-PENGERUSIKAN OLEH Y.B. TAN SRI ABDUL KADIR BIN SHAMSUDDIN, UNTUK MENGENDALI DAN MENTADBIRKAN HAL EHWAL UNIVERSITI INI BUAT SEMENTARA WAKTU. SOAL MELANTEK BEBERAPA ORANG SEBAGAI CHANSELER YANG PERTAMA DAN PRO-CHANSELER2 UNIVERSITI INI ADALAH DI-DALAM PERTIMBANGAN KERAJAAN.

2. SEKTOR PERTANIAN MEMPUNYAI KEDUDOKAN YANG PENTING DALAM EKONOMI NEGARA KITA. IA MENYUMBANGKAN SATU PERTIGA DARI KDNK, MENGADAKAN PEKERJAAN BAGI HAMPIR SEPAROH DARI JUMLAH BILANGAN PEKERJA DAN MENGHASILKAN KIRA2 50% WANG TUKARAN LUAR NEGERI KITA. KEUNGGOLAN INI BERMAKNA BAHAWA KEJAYAAN OBJEKTIB2 RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA DAN RANCHANGAN2 PEMBANGUNAN YANG BERIKUT-NYA ADA-LAH BERGANTONG KAPADA PEMBANGUNAN DALAM SEKTOR INI. OLEH YANG DEMIKIAN, PEMBAHARUAN DALAM BIDANG PERTANIAN IA-LAH SALAH SATU DARIPADA MATLAMAT ITU SUPAYA PENDAPATAN DALAM PEKERJAAN2 PERTANIAN MODEN SA-TANDING DENGAN PENDAPATAN DI-KAWASAN2 BANDAR. PROSES PEMBAHARUAN INI JUGA AKAN MENOLONG DALAM PENYELARASAN BIDANG PERTANIAN DENGAN AKTIVITI2 MODEN DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN. INI AKAN MENGUJUDKAN SUATU ALAM SAKELILING ATAU 'ENVIRONMENT' EKONOMI

DAN SOSIAL DI-KAWASAN2 LUAR BANDAR DAN PEKAN2
KECIL YANG AKAN MEMUDAHKAN SERTA MENOLONG
PEMBANGUNAN SUATU SEKTOR PERTANIAN YANG
DINAMIK.

3. TENAGA MANUSIA YANG TERLATEH DAN
BERKEMAHIRAN ADA-LAH SANGAT PENTING UNTUK MEN-
CHAPAI TUJUAN2 PENDAPATAN DAN PEKERJAAN DI-
BIDANG PERTANIAN. OLEH YANG DEMIKIAN, KERAJAAN
TELAH, SEDANG DAN AKAN MEMBERI PERHATIAN YANG
BERSUNGGOH2 UNTUK PELAJARAN PERTANIAN. APA-
BILA PELAJARAN ANIKA JURUSAN DI-MULAKAN DI-
SEKOLAH2 KITA DALAM TAHUN 1965, PILEHAN2
PRAKTIK SAPERTI SAINS PERTANIAN DAN LAIN2 TELAH
DI-MASOKKAN DALAM KURIKULUM UNTUK SEKOLAH2
MENENGAH RENDAH. TUJUAN MENGADAKAN PERKARA2
PILEHAN SENDIRI INI IA-LAH UNTUK MENIMBULKAN

MINAT MURID2 SUPAYA MELAKUTANGANKAN KEMAHIRAN2
DAN UNTOK MEMBINA BAKAT SERTA SIKAP DALAM MATA2
PELAJARAN YANG MEREKA PILEH ITU. DI-SEKOLAH2
MENENGAH ATAS, PELAJARAN VOKESHENAL DI-BERIKAN
DALAM BEBERAPA BIDANG TERMASOK PERTANIAN. PADA
MASA INI, KEMENTERIAN PELAJARAN MEMPUNYAI DUA
BUAH SEKOLAH VOKESHENAL PERTANIAN, SATU DI-CHENOR
TEMERLOH, PAHANG DAN SATU LAGI DI-CHEMBONG, REMBAU,
NEGERI SEMBILAN. TIGA BUAH LAGI SEKOLAH2 MENENGAH
TEKNIK AKAN DI-BENA DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA
DI-MANA SAINS PERTANIAN AKAN DI-ADAKAN. SEKOLAH2
INI ADA-LAH TAMBAHAN KAPADA SEKOLAH PERTANIAN YANG
BANYAK DI-TUBOHKAN OLEH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
PERIKANAN. MULAI DARI TAHUN HADAPAN, SAINS PER-
TANIAN AKAN DAPAT DI-PELAJARI SEBAGAI MATA PELAJARAN
PEPEREKSAAN MCE, DAN MULAI DARI TAHUN 1974 UNTOK
PEPEREKSAAN SPM PULA.

4. PADA HARI ISNIN AKAN DATANG, IA-ITU PADA 7HB. OGOS, EXPO PENDIDIKAN AKAN DI-RASMIKAN PEMBUKAAN-NYA OLEH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG. EXPO INI AKAN BERLANGSUNG SAHINGGA 12HB. OGOS DAN MERUPAKAN YANG ULONG KALI PERNAH DI-ADAKAN DAN IA JUGA MERUPAKAN KEMUNCHAK PAMERAN2 PELAJARAN YANG TELAH DI-ADAKAN DI-PERINGKAT2 DAERAH DAN NEGERI. SEGALA SEGI PELAJARAN AKAN DI-PAMERKAN - DARI SEGI SEJARAH; PELAJARAN RENDAH, MENENGAH, KOLEJ DAN UNIVERSITI; PELAJARAN SAINS, TEKNIKAL, VOKESHENAL DAN JUGA PELAJARAN UGAMA. CHARA2 PENYAMPAIAN-NYA ADA-LAH NYATA DAN MUDAH DI-FAHAM TERHADAP KEMAJUAN YANG PESAT DI-CHAPAI OLEH NEGARA KITA DI-BIDANG PELAJARAN SEMENJAK MENCHAPAI KEMERDEKAAN. SEGALA TENAGA DAN USAHA TELAH DI-BERIKAN TERHADAP EXPO INI. PADA KALI INI THEMA EXPO PENDIDIKAN IA-LAH " KEMAJUAN MELALUI PENDIDIKAN ", DAN INI KENA PADA ~~MASA-NYA DAN JUGA UNTUK~~

MASA-NYA DAN JUGA UNTUK TAHUN2 YANG AKAN DATANG.

BERSEMPENA DENGAN EXPO INI AKAN DI-ADAKAN JUGA

PERTANDINGAN MEMBACHA DAN TAFSIRAN AL-QURAN

DI-MASJID NEGARA, PERTUNJOKKAN DERAMA DI-DEWAN

BANDARAYA, PERTUNJOKKAN MUSIK DI-DEWAN BAHBSA

DAN PUSTAKA DAN JUGA PERMAINAN PANCHARAGAM BERAMAI2

OLEH MURID2 SEKOLAH
DI-STADIUM MERDEKA.

SAYA MENYERU KAPADA ORANG

RAMAI DI-SELUROH NEGARA SUPAYA DATANG BERAMAI2

MELIHAT EXPO INI DAN SUKA SAYA NYATAKAN BAHAWA

KEDATANGAN TUAN2 SEKALIAN SANGAT-LAH BERFAEDAH.

KITA KENDAKI ATAU TIDAK, SOAL-NYA IA-LAH SAMA-
ADA APA YANG KITA PELAJARI SETERUS-NYA ITU DI-
PILIH DENGAN BIJAK ATAU SEBALEK-NYA, SATIAP ORANG
MEMPUNYAI DUA ALIRAN PELAJARAN, SATU, APA YANG
DI-TERIMA-NYA DARIPADA ORANG LAIN SEMENTARA YANG
LEBEN PENTING LAGI IA-LAH APA YANG DI-PEROLEHI-NYA
SENDIRI. PENGETAHUAN YANG KITA PEROLEHI ... 8


ADALAH LEBEN BERFAEDAH DAN BERGUNA DARIPADA

5. SEKARANG SAYA INGIN PULA MEMBERIKAN SAPATAH DUA KATA KEPADA PARA GRADUAND SEKALIAN. TUAN2 DAN PUAN2 BARU SAHAJA MENAMATKAN PELAJARAN DI-KOLEJ INI. MESKI PUN DEMIKIAN TIDAK-LAH BOLEH DI-KATAKAN BAHAWA PELAJARAN TUAN2 TELAH SELESAI. PELAJARAN ADA-LAH MERUPAKAN PEMBANGUNAN HARMONI SEGALA SIFAT2 KITA. IA-NYA BERMULA DI-TAMAN ASOHAN KANAK2 DAN DI-TERUSKAN KA-SEKOLAH2 TETAPI TIDAK PULA BERAKHIR DI-SITU SAHAJA. IA-NYA BERTERUSAN DI-SEPANJANG HIDUP KITA SAMA-ADA KITA KEHENDAKI ATAU TIDAK. SOAL-NYA IA-LAH SAMA-ADA APA YANG KITA PELAJARI SETERUS-NYA ITU DI-PILEH DENGAN BIJAK ATAU SEBALEK-NYA. SATIAP ORANG MEMPUNYAI DUA ALIRAN PELAJARAN, SATU, APA YANG DI-TERIMA-NYA DARIPADA ORANG LAIN SEMENTARA YANG LEBEH PENTING LAGI IA-LAH APA YANG DI-PEROLEHI-NYA SENDIRI. PENGETAHUAN YANG KITA PEROLEHI SENDIRI ~~HENDAK~~ ^{ADA-} LAH LEBEH BERFAEDAH DAN BERGUNA DARIPADA

APA YANG KITA PELAJARI DARIPADA ORANG LAIN.
SA-SIAPA PUN TIDAK AKAN MAJU DALAM ILMU PENGETAHUAN
ATAU TERKENAL DALAM APA JUA LAPANGAN SEMATA2
MENERUSI DISIPLIN DAN KAWALAN SA-ORANG GURU.
KEHIDUPAN YANG BERBAHAGIA DAN BERJAYA TIDAK
BERGANTONG KEPADA KEADAAN KITA, TETAPI ADA-LAH
BERGANTONG ATAS DIRI KITA SENDIRI. LEBEH RAMAI
MANUSIA MEMBINASAKAN DIRI MEREKA SENDIRI DARI
DI-BINASAKAN OLEH ORANG LAIN; LEBEH BANYAK RUMAH
DAN BANGUNAN TELAH MUSNAH DI-TANGAN MANUSIA DARI-
PADA DI-MUSNAHKAN OLEH BENCHANA ALAM. TERDAPAT
DUA JENIS KEBINASAAN; SATU DI-SEBABKAN OLEH ZAMAN
SEMENTARA YANG SATU LAGI DI-SEBABKAN OLEH MANUSIA.
DI-ANTARA SEGALA KEBINASAAN INI, YANG DI-AKIBAT-
KAN OLEH MANUSIA SENDIRI-LAH YANG PALING SEDEH
SEKALI DAN MUSOH MANUSIA YANG TERBESAR SEKALI
IA-LAH APA YANG ADA DALAM HATI-NYA SENDIRI.
MANUSIA TIDAK DI-LAHIRKAN UNTUK MEMBAWA KECELAKAAN

TETAPI MEMBERI KEBEBASAN DAN SAKIRA-NYA KITA
MENYELEWENG NESCHAYA KITA-LAH YANG AKAN MENDERITA
DAN KITA SENDIRI-LAH YANG PATUT DI-SALAHKAN.
DALAM DUNIA INI KITA TIDAK SEPATUT-NYA BERPUTUS
ASA. HADAPI LAH SEGALA CHABARAN HIDUP. DENGAN
TABAH UNTOK MENCHAPAI SA-SUATU YANG BAIK.
KEBANYAKAN DARIRADA KESULITAN2 HIDUP TIMBUL DARI
KECHELAKAAN2 YANG SABENAR-NYA TIDAK BERLAKU.
KITA MENYEKSA DIRI KITA SENDIRI DENGAN KERAGUAN
DAN KEBIMBANGAN.

6. MULAI SEKARANG PARA GRADUAND SEKALIAN, AKAN MELANGKAH MASOK KA-ALAM NYATA. NEGARA DAN RAAAYAT NEGERI INI BERKEHENDAKKAN TUAN2 DAN PUAN2. MEREKA MEMERLUKAN BANTUAN TUAN2 DAN PUAN2 SEKALIAN; MEREKA MEMERLUKAN PIMPINAN DAN NASEHAT, MEREKA MENGHARAPKAN PERKHIDMATAN2 YANG TIDAK BERBELAH-BAGI DAN TAAT SETIA DARIPADA TUAN2 DAN PUAN2 SEKALIAN. JANGAN LAH HAMPA KAN HARAPAN MEREKA.ITU.



SEKALIAN. JANGAN LAH HARPA KAN HARAPAN MEREKA. ITU
 BAGI DAN TAAT SETIA DARIPADA TUANS DAN PUANS
 MEMERAPKAN PERKHIDMATANS YANG TIDAK BERBELAH-
 MEREKA MEMERLUKAN PIMPINAN DAN MASEHAT, MEREKA
 MEREKA MEMERLUKAN BANTUAN TUANS DAN PUANS SEKALIAN,
 RAAYAT NEGERI INI BERKEHENDAKKAN TUANS DAN PUANS.
 AKAN MELANGKAH MASOK KA-ALAM NYATA, NEGARA DAN



No Siri 124
No. Penerimaan 124/80